

# Tiba masa amalan imbas MySejahtera dihentikan

Khairy jelaskan KKM perlu masa sebulan sebelum buat keputusan hentikan amalan itu susulan kenyataan MMA

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF  
MOHD KHALID  
SHAH ALAM

**P**ersatuan Perubatan Malaysia (MMA) menegaskan sudah tiba masanya amalan mengimbas MySejahtera setiap kali

memasuki premis dihentikan apabila negara sedang mula beralih ke fasa endemik mulai 1 April.

Presiden MMA, Dr Koh Kar Chai berkata, penggunaan aplikasi MySejahtera membolehkan pengesanan kontak rapat ketika pandemik berada pada kemuncaknya tetapi kini mungkin telah melepasi kemampuan sebagai aplikasi pengesanan kontak rapat.

Katanya, fungsi pengesanan kontak rapat dalam aplikasi MySejahtera tidak lagi berguna seperti pada fasa awal pandemik Covid-19.

Menurutnya, ini disebabkan kes jangkitan yang tinggi dalam komuniti direkodkan pada masa ini.

“Dengan jumlah kes positif yang tinggi dalam kalangan dan sekeliling kita, pengesanan kontak tidak lagi boleh digunakan pada skala yang luas kerana ia tidak akan memberikan hasil yang diharapkan,” katanya dalam satu



KHAIRY

kenyataan pada Rabu.

Bagaimanapun tambahnya, aplikasi itu masih boleh digunakan untuk tujuan lain yang lebih baik memandangkan ia diguna pakai oleh sebahagian besar populasi negara ini.

Menurutnya, ciri pengesanan kontak yang ada menerusi aplikasi ini masih boleh dikekalkan kerana semua pihak tidak mengetahui bila pandemik lain akan muncul.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memerlukan tempoh sekurang-kurangnya sebulan sebelum membuat keputusan sama ada amalan daftar masuk (*check-in*) ke mana mana premis menerusi aplikasi MySejahtera dihentikan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pihaknya akan meneliti corak mobiliti penduduk dan jangkitan Covid-19 berikutan pembukaan sempadan

negara, aktiviti berbuka puasa serta kelonggaran dibenarkan mulai Jumaat ini.

“Sekiranya tiada perubahan ketara dalam tempoh beberapa minggu, kita boleh hentikannya,” katanya kepada pemberita selepas majlis Penutup Program Pengurusan Berat Badan Bersepadu Kebangsaan di kementeriannya pada Rabu.

Sementara itu, KKM dijangka memuktamadkan rundingan pemilikan aplikasi MySejahtera dalam tempoh kurang sebulan.

Katanya, KKM merupakan pemilik data yang terkandung dalam aplikasi itu.

“Dari segi platform *software*, ia dikendalikan oleh syarikat dan data disimpan di dalam server yang selamat milik kerajaan,” katanya.

Sebelum ini, Khairy berkata, kerajaan akan melantik vendor baharu sekiranya rundingan dengan MySJ Sdn Bhd yang mengendalikan MySejahtera gagal memberikan perjanjian yang adil kepada kerajaan.



Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menegaskan sudah tiba masanya amalan mengimbas MySejahtera setiap kali memasuki premis dihentikan apabila negara beralih ke fasa endemik mulai 1 April.